

23 NOV 2003

PM HADIR SAMBUTAN HARI RAYA DI BAGAN SERAI KHAMIS INI

IPOH, 23 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menghadiri sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Badan Perhubungan Umno Negeri Perak di Bagan Serai Khamis ini.

Majlis peringkat zon utara itu akan diadakan di Sekolah Menengah Abu Bakar Al-Baqir dari pukul 10 pagi hingga 1 tengah hari.

Ini merupakan kunjungan pertama Abdullah selaku Perdana Menteri ke Perak selepas mengambilalih jawatan itu daripada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas.

Sementara itu, Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali akan mengadakan rumah terbuka pada Hari Raya pertama di kediaman rasminya di Jalan Tambun dari pukul 3 hingga 5 petang.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz pula akan mengadakan majlis hari raya bagi kawasan Parlimen beliau di Kuala Kangsar di Dewan Merdeka, Kuala Kangsar pada 30 Nov dari pukul 11 pagi hingga 3 petang.

Anggota majlis mesyuarat kerajaan negeri, Datuk Mazidah Zakaria akan mengadakan rumah terbuka beliau di No.30, Persiaran Bukit Meru 13, Puncak Meru pada 29 Nov dari pukul 12 tengah hari hingga 5 petang.

-- BERNAMA

AR BK